

# 'Letakkan Dr M

## di tempat wajar'

**M**ELAKA: "Letakkan Tun Dr Mahathir Mohamad pada tempatnya", demikian mesej Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid, kepada perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu yang akan bermesyuarat Khamis ini.

"Orang Kubang Pasu pandailah meletakkan Tun di tempatnya dan janganlah meletakkan beliau di sebarang tempat," katanya yang juga Menteri Besar Kedah ketika ditanya apakah mesej beliau untuk perwakilan Umno bahagian itu.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Kota Melaka di sini, petang semalam.

Mahdzir akan merasmikan mesyuarat perwakilan bahagian itu Khamis ini yang disifatkan sebagai 'panas' berikutan hasrat bekas Perdana Menteri itu bertanding menjadi perwakilan G7 dari bahagian itu.

G7 ialah kumpulan tujuh anggota parti yang terpilih mewakili Umno bahagian untuk menghadiri perhimpunan agung parti yang dijadual diadakan November ini. Seramai 17 perwakilan bertanding untuk G7 dari bahagian Kubang Pasu.

Mahdzir berkata, adalah tidak sesuai meletakkan Dr Mahathir yang diperakui sebagai negarawan ulung bertaraf A+ dan diiktiraf pada peringkat antarabangsa, di tempat paling bawah dalam parti kerana ia mencemar reputasi bekas Perdana Men-

ten dan bekas Presiden Umno itu.

"Bukanlah taraf saya nak nasihtakkan Tun kerana beliau sudah 22 tahun jadi Perdana Menteri... jadi Presiden Parti. Beliau sendiri lebih arif. Saya cuma merayu kepada Tun supaya tidak meneruskan hasratnya bertanding," katanya.

Sehubungan itu, Mahdzir berkata, selayaknya perwakilan Umno Kubang Pasu meletakkan Dr Mahathir di tempatnya dan bukannya di bawah sekali dalam parti.

"Jika Dr Mahathir nak bertanding juga, di mana status negarawannya, di mana pengiktirafan antarabangnya? Sebenarnya, beliau tak perlu buat itu semua... tak perlu turun jadi perwakilan.

"Ada cara lain untuk beliau menegur kerajaan daripada memilih menjadi perwakilan, datang ke Kuala Lumpur dan belum tentu lagi boleh bercakap pada perhimpunan agung nanti," katanya.

Beliau berkata, walaupun Dr Mahathir menang sebagai perwakilan G7, Perhubungan Negeri akan memutuskan antara lima ke enam perwakilan yang akan berucap dan kemungkinan nanti tidak cukup masa untuk beliau berucap.

Namun kata Mahdzir, sebagai ahli Umno, Dr Mahathir ada hak untuk bertanding dan beliau tidak dapat menghalang, cuma dapat menasihatkan beliau kerana menghormati kedudukannya sebagai negarawan ulung.